

03/02/2001

Sukan sebagai wadah pelancongan

Wan Jailani Abdul Razak

SIAPA pemenang Ironman Malaysia Triatlon sudah diketahui. Bagi mereka yang mengikuti perkembangan kejohanan itu tentu menumpang gembira apabila 'budak hari jadi' Bryan Rhodes, 28, dari New Zealand muncul juara lelaki. Atlet berwajah menawan berambut perang, Belinda Cheney, 24, dari Australia yang meraih juara bagi kategori wanita pula, tidak kurang ramai yang meminatinya.

Bagaimanapun, ia cerita lain dan sudah pun menjadi lipatan sejarah. Apa yang penting ialah sejauh mana kita berjaya menganjurkan kejohanan berprestij itu dan sejauh mana seriusnya pembabitan sektor korporat dan swasta dalam usaha memajukan sukan itu pada masa depan.

Juga, bagaimana kita dapat terus memikat lebih ramai atlet triatlon untuk hadir di Langkawi bagi melakar sesuatu yang manis di pulau perangan itu tanpa berfikir dua kali.

Justeru, edisi kedua Ironman Malaysia yang baru berakhir memerlukan bedah siasat segera, selain strategi awal untuk memastikan kedatangan atlet ke kejohanan di negara ini bukan untuk kali pertama dan terakhir.

Ini kerana kejohanan bertaraf antarabangsa yang terkenal itu turut memiliki jutaan peminat di seluruh dunia. Seperti F1, Ironman diadakan di beberapa tempat di seluruh dunia dan sekarang, rakyat Malaysia sepatutnya berbangga kerana dipilih sebagai satu tempat untuk kejohanan itu.

Malaysia membuktikan kebolehan nya menganjurkan dua edisi kejohanan sehingga kini sehingga berjaya meletakkan nama negara pada peta dunia sebagai destinasi penting sukan ini dan pada masa sama berjaya mempopularkan Langkawi sebagai destinasi sukan pelancongan.

Tidak dinafikan, Ironman Malaysia Triatlon adalah antara cara terbaik untuk memasarkan Malaysia di segi pelancongan. Justeru, hasrat penganjur kejohanan, Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd (Liem) yang diterajui Pengarah Urusannya, Datuk Sri Ram Sarma untuk menjadi penganjur terbaik antara medan kejohanan sebelum ke akhir di Kona, Hawaii, wajar mendapat penghormatan.

Justeru, kerenah birokrasi jika ada dalam usaha Liem mendapatkan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Lembaga Pembangunan Langkawi, selain sokongan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, perlu dielakkan.

Seorang individu pula sepatutnya dielak daripada diberi terlalu banyak bebanan kerja, sebaliknya satu pengkhususan kerja memadai bagi memastikan setiap aspek yang dipertanggungjawab dapat dilaksanakan dengan terperinci dan lancar.

Kerja mengurus jamuan malam yang dikenali 'Carbo Nite' untuk atlet, misalnya, perlu diberi perhatian walaupun mungkin ada sesetengah pihak beranggapan ia bukan acara penting. Ini kerana ia sebenarnya mengundang kepada persoalan ramai - 'Bagaimana hendak menganjurkan pertandingan bertaraf dunia, sedangkan untuk menyediakan jamuan pun tidak sempurna'. Tetapi mujurlah ini tidak berlaku pada Ironman Malaysia yang baru berakhir.

Pada masa depan, pengamal media massa sendiri mungkin boleh memikirkan cara lebih baik bagi mendapatkan sesi temubual bersama atlet profesional sebelum pertandingan bermula, berbanding menghadap wajah atlet sama untuk beberapa hari sehingga wartawan kehilangan soalan. Atlet kurang upaya seperti Don Terlson, 42, atlet dari Kanada yang lumpuh tangan kirinya sepatutnya diberi peluang berehat atau menumpukan perhatian kepada

latihan, bukan menghadiri sidang akhbar untuk tiga hari berturut.

Pada hari kejohanan pula, lokasi lebih sesuai untuk ditempatkan pegawai perubatan perlu difikirkan, selain cara berkomunikasi dan kecepatan keputusan bagi setiap segmen.

Langkah penganjur memainkan lagu `Selamat Hari Jadi' untuk Rhodes ketika menerima hadiah daripada Sultan Kedah adalah idea yang baik. Ketelusan aliran perbelanjaan kejohanan juga perlu diambil kira sebelum timbul prasangka.

Kejayaan Liem mendapatkan triatlit terkenal dunia seperti juara dunia wanita, Natascha Badmann dari Switzerland; pemenang tempat keempat dunia, Lothar Leder (Jerman) dan Fred Biondi patut dipuji dan cara memikat secara personal perlu dipanjangkan kepada mereka yang lain untuk menyertai kejohanan akan datang.

Di sebalik semua itu, sektor korporat dan swasta sebenarnya adalah pemain utama bagi membantu Liem menjayakan Ironman Malaysia tanpa mengharapkan bantuan kerajaan negeri semata-mata, yang pastinya mempunyai peruntukan yang terhad untuk menjayakan acara sehebat itu.

Mereka yang meminati sukan itu sanggup ke mana saja untuk menyertainya, dan ini bermakna, Malaysia perlu memastikan acara itu berjalan lancar bagi menarik kehadiran mereka kembali.

Untungnya, Ironman Malaysia tahun ini dijangka menghasilkan pendapatan RM5 juta kepada Malaysia, di samping mempopularkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

Pada kejohanan pertama tahun lalu, pelawat luar negara berbelanja kira-kira RM1.5 juta untuk membeli-belah penginapan, makanan dan minuman.

Kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM190,000 itu adalah medan pembuka tirai bagi pusingan kelayakan dunia tahun ini. Seseorang atlit perlu menamatkan acara dalam masa 17 jam untuk layak diiktiraf sebagai Ironman. Bagaimanapun, atlit profesional biasanya menghabiskan perlumbaan di antara lapan hingga sembilan jam.

Semangat waja yang dimiliki atlit triatlon yang menyertai kejohanan bergelar Ironman itu turut dikagumi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mahu ia dijadikan inspirasi kepada rakyat Malaysia ketika berdepan cabaran.

Menurut beliau, ini kerana kejohanan bertaraf dunia itu benar-benar menguji daya tahan dan semangat berjuang peserta untuk menamatkan perlumbaan membabitkan tiga segmen dalam masa yang ditetapkan.

Katanya, untuk berenang, berbasikal dan berlari dengan jarak di daratan dan laut sejauh 226.2 kilometer dalam masa kurang 17 jam adalah kejayaan yang sudah cukup hebat bagi orang biasa.

"Oleh itu, ia adalah satu penghormatan untuk kita sekali lagi dipilih menjadi penganjur kejohanan ini. Perlumbaan ini tidak dinafikan mendatangkan pengajaran berharga untuk kita.

"Tidak ada yang mustahil untuk dicapai jika kita memiliki disiplin, ketabahan dan daya tahan dalam menghadapi cabaran," katanya dalam perutusan buku cenderamata Ironman Malaysia Triatlon.

Kata-kata Perdana Menteri itu boleh dirujuk kepada tiga atlit kurang upaya bertaraf dunia seperti Terlson, Randy Caddell dan Paul Martin, masing-masing dari Amerika Syarikat yang turut menyertai Ironman Malaysia Triatlon kali ini.

Martin yang kudung kaki kiri menyifatkan penyertaannya dalam kejohanan itu bukan untuk bersaing menewaskan atlit lain, malah lebih kepada ujian mental bagi menamatkan perlumbaan sejauh 226.2 km.

"Bagi acara berenang, misalnya, saya menanggalkan kaki palsu dan bertukar dua kaki palsu untuk acara berbasikal dan berlari sehingga melepasi garisan pendaratan.

"Ketika itu, saya berlawan dengan diri sendiri dengan berkata: "Saya

boleh melakukannya sehinggalah tiba ke garisan penamat," katanya ketika ditemui selepas menamatkan perlumbaan.

Sementara itu, kesungguhan Liem memajukan Ironman di Malaysia mendapat suntikan semangat tambahan apabila usahanya turut dihargai pengasas sukan Triatlon Ironman Dunia, Komander John Collins.

Malah, Collins yakin Malaysia boleh menjadi kuasa dunia bagi aktiviti ini pada masa depan kerana Langkawi mempunyai keindahan semula jadi, kemudahan terkini dan sistematik, iaitu kriteria penting yang diperlukan untuk menjadi destinasi kejohanan Ironman Dunia, selain Hawaii.

Keputusan memilih Langkawi sebagai satu destinasi kejohanan juga disifatkan bijak kerana pulau peranginan itu diakui layak untuk menganjurkan kejohanan itu yang membabitkan tiga acara - berenang sejauh 3.8km, berbasikal 180km dan larian 42.2km.

Justeru, hasrat Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, untuk menjadikan Ironman Triatlon Malaysia sebagai satu lagi acara penting negara bagi membangunkan pelancongan berasaskan sukan, patut disambut baik.

"Ini baru kali kedua ia diadakan, mungkin rakyat Malaysia kurang faham mengenai pentingnya kejohanan itu yang disertai kelompok manusia yang berasa begitu megah menyertai sukan yang luar biasa," katanya sambil yakin lebih ramai atlit negara ini akan menyertai kejohanan itu pada masa depan.

Cheney, misalnya, pastinya tidak akan melepaskan takhta juara wanitanya begitu saja, apatah lagi mengingatkan nostalgia di Langkawi ketika tidurnya dikejut beberapa monyet yang mencuri sarapannya.

(END)